CHEUNG KEK HEUNG & SATU LAGI lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
NORDIN HASSAN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42(S)-51-07-2015]
21 JANUARI 2016

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 – Seksyen 12 – Elemen-elemen kesalahan – Sama ada dibuktikan – Sama ada hakim bicara tersalah arah berkaitan elemen kesalahan – Sama ada sabitan dikekalkan*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan – Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 – Seksyen 12 – Elemen-elemen kesalahan – Sama ada dibuktikan – Sama ada hakim bicara tersalah arah berkaitan elemen kesalahan – Sama ada sabitan terhadap tertuduh pertama dikekalkan – Sama ada sabitan terhadap tertuduh kedua harus diketepikan*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan oleh pendakwaan – Rayuan terhadap hukuman – Tertuduh pertama dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun enam bulan bagi kesalahan di bawah s. 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan penjara selama 12 bulan bagi kesalahan di bawah s. 55B(1) Akta Imigresen 1959/63 – Sama ada hukuman yang dijatuhkan memadai*

Perayu pertama ('OKT1') disabitkan oleh Mahkamah Sesyen dengan dua pertuduhan di bawah s. 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('Akta') bagi kesalahan memperdagangkan Cahaya Sintia Yulisa ('pertuduhan pertama') dan Irna Sutrisni ('pertuduhan kedua') dan satu pertuduhan di bawah s. 55B(1) Akta Imigresen 1959/63 ('pertuduhan ketiga'). Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman penjara selama tiga tahun enam bulan untuk pertuduhan pertama dan kedua. Bagi pertuduhan ketiga pula, Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman penjara selama 12 bulan. Hukuman bagi ketiga-tiga pertuduhan terhadap OKT1 diperintahkan untuk berjalan serentak. Selain itu, perayu kedua ('OKT2') pula disabitkan oleh Mahkamah Sesyen dengan satu pertuduhan di bawah s. 12 Akta bagi kesalahan memperdagangkan Cahaya Sintia Yulisa ('pertuduhan pertama OKT2') dan satu pertuduhan di bawah s. 55B(1) Akta Imigresen 1959/1963 ('pertuduhan kedua OKT2'). Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman penjara selama tiga tahun enam bulan untuk pertuduhan pertama OKT2. Bagi pertuduhan kedua OKT2 pula, Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman penjara selama enam bulan. Hukuman terhadap OKT2 bagi kedua-dua pertuduhan juga diperintahkan untuk berjalan serentak. OKT1 dan OKT2 merayu terhadap keputusan sabitan oleh Mahkamah Sesyen. Manakala, pihak pendakwaan merayu terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen terhadap OKT1.

A Berdasarkan keterangan Cahaya Sintia Yulisa ('SP1') dan Irni Sutrisni ('SP2'), mereka dibawa ke Malaysia oleh seorang ejen ketika mereka masing-masing berumur 21 dan 26 tahun. Ejen ini memberitahu SP1 dan SP2 bahawa mereka akan ditawarkan bekerja sebagai tukang urut di Malaysia. Tetapi, apabila SP1 dan SP2 sampai di Malaysia, mereka dibawa oleh OKT1
B ke sebuah spa di mana, selain dari memberi perkhidmatan mengurut, mereka juga memberi perkhidmatan seks. SP1 dan SP2 mengesahkan bahawa mereka tidak mempunyai permit untuk bekerja di Malaysia dan paspot mereka disimpan oleh OKT1. Kedua-dua SP1 dan SP2 turut memberi keterangan bahawa OKT2 adalah pekerja di spa tersebut dan orang suruhan OKT1.

C **Diputuskan (menolak rayuan OKT1 dan membenarkan rayuan OKT2; menolak rayuan pendakwaan):**

(1) Elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi kesalahan di bawah s. 12 Akta adalah (i) tertuduh memperdagangkan orang yang bukan merupakan kanak-kanak; dan (ii) pemerdagangan
D orang tersebut adalah bagi maksud eksploitasi. Berdasarkan keterangan dan dapatan fakta Hakim Mahkamah Sesyen, OKT1 telah memperdagangkan SP1 menurut definisi memperdagangkan orang di bawah s. 2 Akta. SP1 berumur 21 tahun semasa kejadian dan bukan merupakan seorang kanak-kanak. Juga, perkhidmatan seks yang
E diberikan oleh SP1 merupakan aktiviti yang menyalahi undang-undang di bawah definisi 'eksploitasi' menurut s. 2 Akta. Segala elemen bagi kesalahan di bawah s. 12 Akta telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Oleh itu, sabitan terhadap OKT1 bagi pertuduhan pertama adalah di bawah s. 12 Akta dikekalkan. (perenggan 20, 21, 23 & 24)

F **(2)** Semasa kejadian, SP2 berumur 26 tahun dan bukan seorang kanak-kanak. Keterangan yang dikemukakan telah berjaya membuktikan bahawa OKT1 telah memperdagangkan SP2 bagi maksud eksploitasi seks. Oleh itu, sabitan bagi pertuduhan kedua di bawah s. 12 Akta juga dikekalkan. (perenggan 32)

G **(3)** Berhubung pertuduhan ketiga terhadap OKT1, iaitu kesalahan mengambil SP1 dan SP2 bekerja tanpa memiliki pas yang sah untuk bekerja, SP1 telah memberi keterangan bahawa SP1 tiada permit kerja dan SP2 juga menyatakan SP2 hanya mempunyai pas lawatan sosial, iaitu tanpa sebarang permit kerja. Fakta ini telah dipertikaikan oleh
H pihak pembelaan. Justeru, sabitan bagi pertuduhan untuk kesalahan ini terhadap OKT1 juga dikekalkan. (perenggan 33-35)

(4) OKT2 tidak dituduh dengan niat bersama dengan OKT1 untuk kesalahan memperdagangkan SP1 atau mengambil SP1 bekerja tanpa pas
I kerja yang sah. OKT1 dan OKT2 hanya dibicarakan bersama-sama. Oleh itu, segala elemen pertuduhan bagi kesalahan yang dipertuduhkan terhadap OKT1 dan OKT2 hendaklah dibuktikan secara berasingan oleh pihak pendakwaan. Hanya semata-mata OKT2 bekerja di spa tersebut

dan menjadi orang suruhan OKT1, tidak dapat membuktikan kesalahan OKT2 di bawah s. 12 Akta dan juga s. 55B(1) Akta Imigresen 1959/63. Oleh yang demikian, sabitan terhadap OKT2 bagi kedua-dua pertuduhan berkenaan adalah diketepikan. (perenggan 39 & 40)

(5) Hakim peringkat rayuan tidak akan mengganggu keputusan hakim bicara kecuali terdapat kekhilafan mengguna pakai prinsip undang-undang dalam menjatuhkan hukuman atau hukuman yang dijatuhkan adalah terlalu rendah atau terlalu tinggi berbanding dengan jenis kesalahan yang dilakukan. Berdasarkan fakta, tiada kekhilafan prinsip undang-undang yang diguna pakai oleh hakim bicara dalam menjatuhkan hukuman terhadap OKT1 dan hukuman yang dijatuhkan untuk ketiga-tiga pertuduhan terhadap OKT1 adalah tidak terlalu rendah. Oleh itu, tiada alasan untuk mengganggu hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara terhadap OKT1 bagi ketiga-tiga pertuduhan berkenaan. (perenggan 44 & 45)

Kes-kes yang dirujuk:
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Md Zainuddin Raujan v. PP [2012] 7 CLJ 715 CA ***(dirujuk)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007, ss. 2, 12, 16
Evidence Act 1950, s. 134
Immigration Act 1959/63, s. 55B(1)

Bagi pihak perayu pertama - Mohd Hisham Md Nen; T/n Hisham Nen & Co
Bagi pihak perayu kedua - Mazhar Abdul Malek; T/n Mazhar & Co
Bagi pihak responden - Hayda Faridzul Abu Hasan; TPR

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Nordin Hassan PK:

Pendahuluan

[1] Perayu pertama adalah OKT1 dan perayu kedua adalah OKT2 semasa perbicaraan kes ini di Mahkamah Sesyen dan bagi memudahkan rujukan kedua-dua perayu ini dirujuk sebagai OKT1 dan OKT2 dalam penghakiman ini.

[2] Cheung Kek Heung (OKT1) telah disabitkan dengan dua pertuduhan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670) dan satu pertuduhan di bawah Akta Imigresen 1959/63 oleh Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur bagi kesalahan yang pertuduhan-pertuduhannya adalah seperti berikut:

(i) Kes nombor 62R-01-03-2014

A (a) Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada antara 27.11.2013 hingga 11.12.2013, jam lebih kurang 12.30 tengahari, di AO Boutique SPA, Tingkat Satu Hotel Wilayah, No. 53-59 Jalan Tiong Nam Kuala Lumpur, dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Bandaraya Kuala Lumpur, telah
B memperdagangkan Cahaya Sintia Yulisa (P) PP: TIADA, berumur 21 tahun bagi maksud exploitasi seks dan dengan demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen 12 Akta Pemerdagangan Orang 2007.

(b) Pertuduhan Kedua

C Bahawa kamu pada antara 27.11.2013 hingga 11.12.2013, jam lebih kurang 12.30 tengahari, di AO Boutique SPA Tingkat Satu Hotel Wilayah No. 53-59 Jalan Tiong Nam Kuala Lumpur, dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Bandaraya Kuala Lumpur, telah memperdagangkan Irna Sutrisni (P) PP: TIADA, berumur 26 tahun bagi maksud exploitasi seks dengan demikian kamu telah melakukan
D suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen 12 Akta Pemerdagangan Orang 2007.

(ii) Kes nombor 62R-03-03-2014

Pertuduhan Kedua

E Bahawa kamu pada antara 27.11.2013 hingga 11.12.2013, jam lebih kurang 12.30 tengahari, di AO Boutique SPA, Tingkat Satu Hotel Wilayah, No.53-59 Jalan Tiong Nam Kuala Lumpur, dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Bandaraya Kuala Lumpur, didapati mengambil (1) pekerja warganegara Indonesia iaitu, Cahaya Sintia Yulisa (P) PP: TIADA, berumur 21 tahun dan Irna Sutrisni (P)
F PP: TIADA, berumur 26 tahun yang tidak memiliki pas yang sah untuk bekerja adalah bersalah atas satu kesalahan dibawah seksyen 55B(1) Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155) dan boleh dihukum dibawah Seksyen 57 Akta yang sama.

[3] Hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen terhadap
G OKT1 bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut adalah seperti berikut:

(i) Kes nombor 62R-01-03-2014

(a) Pertuduhan pertama: Penjara selama tiga tahun enam bulan

(b) Pertuduhan kedua: Penjara selama tiga tahun enam bulan

H

(ii) Kes nombor 62R-03-03-2014

Pertuduhan kedua: Penjara selama 12 bulan

[4] Hukuman bagi ketiga-tiga pertuduhan terhadap OKT1 ini telah diperintahkan untuk berjalan serentak.

I

[5] Selain itu, Fan Teck Chuan (OKT2) pula telah disabitkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen dengan dua pertuduhan iaitu seperti berikut:

(i) Kes nombor 62R-04-03-2014

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada antara 27.11.2013 hingga 11.12.2013, jam lebih kurang 12.30 tengahari, di AO Boutique SPA, Tingkat Satu Hotel Wilayah, No. 53-59 Jalan Tiong Nam Kuala Lumpur, dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Bandaraya Kuala Lumpur, telah memperdagangkan Cahaya Sintia Yulisa (P) PP: TIADA, berumur 21 tahun bagi maksud exploitasi seks dengan demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen 12 Akta Pemerdagangan Orang 2007.

(ii) Kes nombor 62R-06-03-2014

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada antara 27.11.2013 hingga 11.12.2013, jam lebih kurang 12.30 tengahari, di AO Boutique SPA, Tingkat Satu Hotel Wilayah, No. 53-59 Jalan Tiong Nam Kuala Lumpur, dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Bandaraya Kuala Lumpur, didapati mengambil (satu) pekerja warga negara Indonesia iaitu, Cahaya Sintia Yulisa (P) PP: TIADA, berumur 21 tahun yang tidak memiliki pas yang sah untuk bekerja adalah bersalah atas satu kesalahan dibawah seksyen 55B(1) Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155) dan boleh dihukum dibawah seksyen 57 Akta yang sama.

[6] Hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen terhadap OKT2 adalah seperti berikut:

(i) Kes nombor 62R-04-03-2014

Pertuduhan pertama: Penjara selama tiga tahun enam bulan

(ii) Kes nombor 62R-04-03-2014

Pertuduhan kedua: Penjara selama enam bulan

[7] Hukuman terhadap OKT2 bagi kedua-dua pertuduhan adalah juga diperintahkan untuk berjalan serentak.

[8] OKT1 dan OKT2 telah merayu terhadap keputusan sabitan oleh Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan.

[9] Pihak Pendakwa Raya pula, yang tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen terhadap OKT1 dan OKT2 telah membuat rayuan terhadap hukuman berkenaan yang dikatakan tidak memadai.

A **Kes Pendakwaan**

[10] Berdasarkan keterangan yang diberikan oleh Cahaya Sintia Yulisa (SP1) di mahkamah, di antara keterangan yang relevan adalah seperti berikut:

(i) Pada 30 Oktober 2013, SP1 yang berumur 21 tahun dan berasal dari Daerah Mangkat, Medan Indonesia telah datang ke Malaysia menaiki feri melalui Pelabuhan Klang dibawa oleh seorang ejen bernama Rudy.

(ii) Ejen ini memberitahu SP1 bahawa SP1 akan ditawarkan bekerja sebagai tukang urut di sebuah spa di Malaysia.

(iii) Apabila tiba di Bandar Klang, SP1 telah dibawa ke sebuah hotel iaitu Hotel Orange. Di hotel berkenaan, Rudy telah berkata kepada SP1 "tunggu bos datang ambil".

(iv) Seterusnya, OKT1 telah datang ke Hotel Orange tersebut bersama seorang wanita bernama Dessy. OKT1 juga telah membayar wang berjumlah RM4,500 kepada Rudy. SP1 kemudiannya telah dibawa oleh OKT1 ke AO Boutique SPA, Hotel Wilayah di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

(v) OKT1 juga telah menyimpan pasport SP1 dan memaklumkan kepada SP1 bahawa pasportnya dipegang oleh OKT1 kerana ada kaitan dengan hutang SP1 kepada OKT1 berjumlah RM4,500 yang telah dibayar oleh OKT1 kepada Rudy.

(vi) Di AO Boutique SPA tersebut, SP1 telah membuat kerja-kerja mengurut dan juga memberi perkhidmatan seks kepada pelanggan-pelanggan. Bagi kerja mengurut bayaran yang dikenakan adalah RM20 dan bagi perkhidmatan seks bayarannya adalah RM50. Bayaran-bayaran ini SP1 serahkan kepada pihak spa berkenaan.

(vii) SP1 hanya dibayar gaji sebulan sekali oleh OKT1 iaitu lebih kurang RM2,000 sebulan tetapi dipotong semuanya untuk bayaran hutang SP1 kepada OKT1 iaitu RM4,500 tersebut. SP1 juga terpaksa meminjam RM600 dari OKT1 untuk dikirimkan kepada ibunya di Medan, Indonesia.

(viii) SP1 pula bekerja di spa tersebut dari jam 10 pagi sehingga 10 malam dan semasa bekerja, SP1 tidak dibenarkan keluar oleh OKT1. SP1 juga perlu meminta cuti dari OKT1 jika diperlukan seperti apabila SP1 sakit.

(ix) SP1 tidak melarikan diri walaupun terpaksa memberi perkhidmatan seks di spa tersebut kerana Rudy telah memberi amaran kepada SP1 untuk mengancam keselamatan ibu dan keluarga SP1 di Indonesia sekiranya SP1 melarikan diri.

(x) Sebelum tempat kerja SP1 di AO Boutique SPA tersebut diserbu oleh pihak polis pada 11 Disember 2013, SP1 telah bekerja di situ selama satu bulan dua minggu.

(xi) SP1 juga menyatakan bahawa OKT2 adalah pekerja di spa tersebut dan merupakan orang suruhan OKT1.

(xii) SP1 juga mengesahkan bahawa SP1 tidak mempunyai sebarang permit untuk bekerja di Malaysia.

[11] Selain itu, pihak pendakwaan juga telah mengemukakan keterangan Irni Sutrisni (SP2) dan di antara keterangan SP2 yang berkaitan adalah seperti berikut:

(i) SP2 yang berumur 26 tahun, berasal dari Permatang Siantar, Medan Indonesia dan dibawa datang ke Malaysia pada 5 November 2013 oleh Dessy untuk bekerja sebagai tukang urut di AO Boutique SPA berkenaan.

(ii) Setiba sahaja SP2 di Malaysia, SP2 ada bertemu dengan OKT1 di restoran KFC di Kuala Lumpur dan OKT1 memberitahu SP2 mengenai hutang SP2 kepada OKT1 berjumlah RM4,500. Wang tersebut adalah wang yang OKT1 bayar kepada Dessy yang dilihat sendiri oleh SP2 kerana Dessy membawa SP2 dari Indonesia ke Malaysia.

(iii) OKT1 kemudiannya telah memberitahu SP2 mengenai tugas SP2 untuk memberi perkhidmatan urut dan seks di spa berkenaan dan bayarannya adalah RM20 untuk mengurut dan RM50 untuk perkhidmatan seks.

(iv) Seterusnya OKT1 telah membawa SP2 ke tempat kerjanya di AO Boutique SPA di Hotel Wilayah, Kuala Lumpur.

(v) Gaji SP2 dibayar oleh OKT1 sebulan sekali iaitu berjumlah RM2,000 sebulan tetapi dipotong hutang SP2 kepada OKT1 yang berjumlah RM4,500 berkenaan.

(vi) SP2 juga telah menyerahkan pasportnya kepada OKT1 setelah diminta oleh OKT1.

(vii) Sebelum serbuan dibuat oleh pihak polis di spa berkenaan pada 11 Disember 2013, SP2 telah memberikan perkhidmatan urut dan seks kepada pelanggan-pelanggan di spa tersebut.

(viii) SP2 juga menyatakan bahawa OKT1 adalah pengurus di spa tersebut sementara OKT2 adalah pekerja dan orang suruhan OKT1.

(ix) SP2 juga mengesahkan bahawa SP2 masuk ke Malaysia dengan pas lawatan sosial iaitu tanpa permit kerja.

[12] Selain itu, pegawai serbuan iaitu ASP Nasir bin Ismail (SP8) mengesahkan ada membuat serbuan pada 11 Disember 2013 di AO Boutique SPA, Hotel Wilayah dan menemui SP1 dan SP2 di bilik nombor 8 spa berkenaan. SP8 juga telah menemui 30 keping kondom di atas sebuah rak dalam spa tersebut.

A **Kes Pembelaan**

[13] OKT1 memberi keterangan antara lain bahawa OKT1 hanya bekerja separuh masa di AO Boutique SPA tersebut dan menafikan memperdagangkan SP1 dan SP2 bagi maksud eksploitasi seks.

B **[14]** OKT2 pula menjelaskan bahawa OKT2 hanya merupakan pekerja biasa di spa tersebut dan menafikan memperdagangkan SP1 bagi maksud eksploitasi seks atau mengambil SP1 bekerja tanpa permit.

Dapatan Dan Keputusan Mahkamah

C **[15]** Pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua terhadap OKT1 adalah kerana kesalahan memperdagangkan SP1 dan SP2 bagi maksud eksploitasi seks iaitu kesalahan di bawah s. 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670).

Seksyen 12 memperuntukkan:

D Mana-mana orang yang memperdagangkan orang yang bukan kanak-kanak bagi maksud eksploitasi, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga didenda.

[16] Seksyen 2 Akta 670 ini mendefinisikan "pemerdagangan orang" atau E "memperdagangkan orang" ertinya perekrutan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan, penyediaan atau penerimaan seseorang bagi maksud eksploitasi.

"Eksploitasi" pula didefinisikan seperti berikut:

F "eksploitasi" termasuklah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan atau pengabdian apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.

[17] Selain itu, di bawah s. 2 Akta yang sama, "paksaan" didefinisikan G seperti berikut:

"paksaan" ertinya:

(a) Ancaman kecederaan berat kepada atau sekatan fizikal terhadap mana-mana orang.

H (b) Apa-apa skim rancangan, atau corak yang diniatkan untuk menyebabkan seseorang untuk mempercayai bahawa kegagalan untuk menjalankan sesuatu perbuatan akan mengakibatkan kecederaan berat kepada atau sekatan fizikal terhadap mana-mana orang atau

I (c) Penyalahgunaan atau ancaman penyalahgunaan proses undang-undang.

[18] Di sini, elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan bagi kesalahan di bawah s. 12, Akta 670 adalah seperti berikut:

(i) Tertuduh memperdagangkan orang yang bukan merupakan kanak-kanak; dan

(ii) Pemerdagangan orang tersebut adalah bagi maksud eksploitasi.

[19] Setelah jelas dengan peruntukan-peruntukan yang relevan di bawah Akta 670 seperti yang dinyatakan, pertimbangan seterusnya adalah terhadap keterangan yang dikemukakan dalam kes ini.

[20] Berhubung pertuduhan pertama terhadap OKT1 pihak pendakwaan bergantung antara lain kepada keterangan SP1. Keterangan SP1 ini adalah kukuh dan tidak dapat dicabar semasa pemeriksaan balas serta diterima oleh hakim bicara. Jelasnya keterangan SP1 menunjukkan fakta-fakta berikut:

(i) OKT1 membawa SP1 dari Indonesia dan bekerja di AO Boutique SPA Hotel Wilayah dengan bantuan ejennya yang bernama Rudy dan membayar Rudy RM4,500 untuk tugasan tersebut.

(ii) SP1 telah bekerja memberi perkhidmatan urut dan seks di spa berkenaan walaupun pada asalnya dijanjikan oleh Rudy bahawa SP1 akan bekerja sebagai tukang urut sahaja.

(iii) SP1 tidak melarikan diri dari spa berkenaan kerana Rudy telah mengugut keselamatan ibu dan keluarga SP1 sekiranya SP1 melarikan diri. Selain itu, pasport SP1 disimpan oleh OKT1.

(iv) SP1 juga dibayar gaji bulanan oleh OKT1 iaitu RM2,000 sebulan tetapi perlu ditolak hutang RM4,500 yang dibayar oleh OKT1 kepada Rudy untuk membawa SP1 datang ke Malaysia.

(v) SP1 berumur 21 tahun semasa kejadian dan bukan merupakan seorang kanak-kanak.

[21] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan di mahkamah, saya bersetuju dengan dapatan fakta Hakim Mahkamah Sesyen bahawa OKT1 telah memperdagangkan SP1 menurut definisi memperdagangkan orang di bawah s. 2, Akta 670.

[22] Seterusnya keterangan juga jelas menunjukkan berlakunya eksploitasi seks terhadap SP1. Perkhidmatan seks ini adalah dalam pengetahuan OKT1 kerana bayaran untuk perkhidmatan seks telah ditetapkan iaitu RM50 dan bayaran ini diserahkan oleh SP1 kepada pihak spa tersebut. Tambahan pula, spa berkenaan telah menyediakan kondom untuk kegunaan perkhidmatan seks yang diberikan di spa tersebut. Ini dibuktikan apabila SP8 merampas 30 keping kondom di spa berkenaan semasa serbuan dibuat.

[23] Selain itu juga, perkhidmatan seks di spa tersebut adalah menyalahi undang-undang dan perkhidmatan seks yang diberikan oleh SP1 merupakan aktiviti yang menyalahi undang-undang di bawah definisi "eksploitasi" menurut s. 2, Akta 670. Justeru itu segala elemen bagi kesalahan di bawah s. 12, Akta 670 telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[24] Keterangan OKT1 semasa pembelaan tidak dapat menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan berhubung pertuduhan pertama ini. Oleh itu, sabitan terhadap OKT1 bagi pertuduhan pertama adalah di bawah s. 12, Akta 670 ini dikekalkan.

[25] Seterusnya, berhubung pertuduhan kedua terhadap OKT1 bagi kes nombor 62R-01-03-2014 berkenaan, keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah bergantung antara lain kepada keterangan SP2 dan keterangan yang diberikan oleh SP2 menunjukkan fakta-fakta berikut:

(i) OKT1 menerima SP2 bekerja di AO Boutique SPA tersebut setelah SP2 dibawa oleh ejennya Dessy dari Indonesia.

(ii) OKT1 juga telah membayar RM4,500 kepada Dessy dan jumlah wang tersebut merupakan hutang SP2 kepada OKT1.

(iii) OKT1 juga telah memberitahu SP2 untuk membuat kerja mengurut dan memberi perkhidmatan seks pada pelanggan-pelanggan di spa berkenaan dan ini dilakukan oleh SP2.

(iv) OKT1 juga membayar gaji bulanan kepada SP2 iaitu RM2,000 sebulan tetapi perlu ditolak hutang SP2 kepada OKT1 yang berjumlah RM4,500 tersebut.

(v) Selain itu, pasport SP2 juga disimpan oleh OKT1.

(vi) Semasa kejadian, SP2 berumur 26 tahun dan bukan seorang kanak-kanak.

[26] Berdasarkan antara lain keterangan SP2 ini, pihak pendakwaan telah membuktikan elemen-elemen pertuduhan bagi kesalahan di bawah s. 12, Akta 670 iaitu:

(i) OKT1 telah memperdagangkan SP2 yang bukan seorang kanak-kanak; dan

(ii) OKT1 memperdagangkan SP2 bagi maksud eksploitasi.

[27] Selain itu, isu wujudnya paksaan atau tidak dalam kes ini tidak material kerana s. 16, Akta yang sama telah memperuntukkan:

> Dalam sesuatu pendakwaan bagi kesalahan dibawah seksyen 12, 13 atau 14, tidaklah menjadi suatu pembelaan bahawa orang yang diperdagangkan itu merelakan perbuatan pemerdagangan orang.

[28] OKT1 yang memberi keterangan, ada menyatakan bahawa OKT1 hanya bekerja separuh masa di spa tersebut tetapi ini tidak dapat menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan

dan pembelaan OKT1 juga telah ditolak oleh hakim bicara yang menyatakan ianya merupakan pembelaan "afterthought". Di sini, saya tidak mempunyai sebarang alasan untuk berbeza pendapat dengan dapatan fakta oleh hakim bicara ini.

[29] Di samping itu, walaupun pihak pendakwaan banyak bergantung kepada keterangan SP2 bagi pertuduhan kedua ini, seperti juga keterangan SP1 bagi pertuduhan pertama terhadap OKT1, keterangan seorang saksi sahaja jika dipercayai adalah memadai untuk membuktikan sesuatu fakta itu.

[30] Seksyen 134 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan:

> No particular number of witnesses shall in any case be required for the proof of any fact.

(Rujuk juga kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 dan *Md Zainuddin Raujan v. PP* [2012] 7 CLJ 715; [2013] 4 MLJ 596)

[31] Dalam kes terhadap OKT1, keterangan SP1 telah diterima oleh hakim bicara bagi pertuduhan pertama dan keterangan SP2 pula bagi pertuduhan kedua.

[32] Keterangan yang dikemukakan juga telah berjaya membuktikan bahawa OKT1 telah memperdagangkan SP2 bagi maksud eksploitasi seks dan oleh itu sabitan bagi pertuduhan kedua di bawah s. 12, Akta 670 ini juga dikekalkan.

[33] Selanjutnya adalah berhubung pertuduhan terhadap OKT1 bagi kes nombor 62R-03-03-2014 iaitu kesalahan mengambil SP1 dan SP2 bekerja tanpa memiliki pas yang sah untuk bekerja.

[34] Berhubung pertuduhan ini, SP1 telah memberi keterangan bahawa SP1 tiada permit kerja dan SP2 juga menyatakan SP2 hanya mempunyai pas lawatan sosial iaitu tanpa sebarang permit kerja. Fakta ini telah tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan.

[35] Justeru itu, sabitan bagi pertuduhan untuk kesalahan ini terhadap OKT1 juga adalah dikekalkan.

[36] Seterusnya, adalah berkaitan sabitan oleh hakim bicara terhadap OKT2 bagi pertuduhan pertama kes nombor 62R-04-03-2014 iaitu kesalahan memperdagangkan SP1 bagi maksud eksploitasi seks dan pertuduhan kedua bagi kes nombor 62R-06-03-2014 iaitu kesalahan mengambil SP1 bekerja tanpa pas kerja yang sah.

[37] Pertamanya, OKT2 tidak dituduh dengan niat bersama dengan OKT1 untuk kesalahan memperdagangkan SP1 atau mengambil SP1 bekerja tanpa pas kerja yang sah. OKT1 dan OKT2 hanya dibicarakan bersama-sama. Oleh itu, segala elemen pertuduhan bagi kesalahan yang dipertuduhkan terhadap OKT1 dan OKT2 hendaklah dibuktikan secara berasingan oleh pihak pendakwaan.

[38] Kembali kepada keterangan yang dikemukakan, SP1 dan SP2 jelas menyatakan bahawa OKT2 adalah pekerja di AO Boutique SPA tersebut dan hanya merupakan orang suruhan OKT1. Tiada sebarang keterangan yang dapat menunjukkan bahawa OKT2 memperdagangkan SP1 untuk eksploitasi seks menurut peruntukan s. 12 Akta 670. Selain itu juga, tiada keterangan yang dapat menunjukkan bahawa OKT2 mengambil SP1 bekerja di spa berkenaan.

[39] Hanya semata-mata OKT2 bekerja di spa tersebut sebagai "kapten" dan menjadi orang suruhan OKT1, tidak dapat membuktikan kesalahan OKT2 di bawah s. 12 Akta 670 dan juga s. 55B(1) Akta Imigresen 1959/63.

[40] Oleh yang demikian, sabitan terhadap OKT2 bagi kedua-dua pertuduhan berkenaan adalah diketepikan.

Rayuan Balas Pendakwa Raya Terhadap Hukuman

[41] Seterusnya adalah mengenai rayuan balas Pendakwa Raya bagi hukuman yang dijatuhkan terhadap OKT1.

[42] Dalam menjatuhkan hukuman ini, hakim bicara telah mengambil kira faktor kepentingan awam selain mengimbangi kepentingan awam tersebut dengan kepentingan tertuduh seperti yang disarankan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256.

[43] Selain itu juga hakim bicara telah memberi pertimbangan bahawa OKT1 adalah pesalah pertama dan setelah memberi pertimbangan kepada nas undang-undang dan hujahan kedua-dua pihak berhubung hukuman, hakim bicara telah menjatuhkan hukuman terhadap OKT1.

[44] Berkaitan rayuan terhadap hukuman ini, undang-undang mantap adalah jelas bahawa hakim peringkat rayuan tidak akan mengganggu keputusan hakim bicara kecuali terdapat kekhilafan mengguna pakai prinsip undang-undang dalam menjatuhkan hukuman atau hukuman yang dijatuhkan adalah terlalu rendah atau terlalu tinggi berbanding dengan jenis kesalahan yang dilakukan.

[45] Kembali kepada hukuman terhadap OKT1, saya dapati tiada kekhilafan prinsip undang-undang yang diguna pakai oleh hakim bicara dalam kes ini. Saya juga dapati hukuman yang dijatuhkan untuk ketiga-tiga pertuduhan terhadap OKT1 adalah tidak terlalu rendah. Oleh itu, tiada alasan untuk saya mengganggu hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara terhadap OKT1 bagi ketiga-tiga pertuduhan berkenaan.

Kesimpulan

[46] Rayuan berhubung sabitan terhadap Cheung Kek Heung (OKT1) bagi ketiga-tiga pertuduhan adalah ditolak.

[47] Rayuan berhubung sabitan terhadap Fan Teck Chuan (OKT2) bagi kedua-dua pertuduhan adalah dibenarkan dan sabitan berkenaan diketepikan.

[48] Rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman adalah ditolak.